



Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media

VOLUME
03



PROJEK ADVOKASI SULAM MELALUI KECERDASAN BUATAN (AI)

Oleh: Noor Hilmi Mohd Johan & Isma Zurriya Ismail

Projek SULAM atau nama lainnya adalah Service Learning Malaysia-University for Society merupakan satu inisiatif dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha untuk mengintegrasikan komponen pembelajaran dalam kelas kepada pembelajaran berasaskan komuniti. Usaha ini seiring dengan langkah kementerian untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai sifat manusiawi dan peka terhadap isu sosial, seterusnya pada masa sama dapat mengasah nilai kepimpinan dalam diri mereka untuk bekerja di organisasi. Pendekatan projek SULAM sebelum ini adalah lebih kepada aktiviti konvensional dimana para pelajar memberi tumpuan kepada penyampaian ilmu yang mereka belajar dalam kelas iaitu berbentuk syarahan atau seminar.

Namun, letusan teknologi kecerdasan buatan (AI) pada awal tahun 2020 telah mewujudkan satu revolusi pencarian maklumat dimensi baru. Teknologi AI membuktikan bahawa ia mampu memberi maklum balas maklumat dengan pantas, sekaligus memberi peluang kepada para pelajar dan pendidik untuk meneroka pelaksanaan aktiviti advokasi yang lebih kreatif, dinamik dan berkesan terhadap isu semasa.

Antara tunjang kepada penggunaan AI dalam projek aktiviti SULAM adalah dari subjek Undang-undang Media, Etika dan Perundangan (COM540). Salah satu kerja khusus melibatkan subjek COM540 adalah pelajar diminta untuk melaksanakan program SULAM yang selari dengan sukatan pelajaran. Beberapa projek SULAM telah berjaya dihasilkan dari tahun 2020 sehingga sekarang dengan fokus utama adalah untuk mendidik masyarakat khususnya generasi muda. Pelbagai tajuk telah diterokai dan majoriti darinya

adalah tentang undang-undang media Malaysia serta bahaya penyalahgunaan kebebasan bersuara.

Bagi memastikan perkembangan pemahaman mengenai kebebasan bersuara dan menghindari dari salah laku yang mungkin berlaku, para pelajar telah mengaplikasikan penggunaan AI ke tahap yang maksimum. Para pelajar akan melakukan perbincangan awal dan merangka aktiviti simulasi terlebih dahulu sebelum dimuat naik ke dalam AI untuk tujuan penambahbaikan. AI bukan sahaja memberikan gambaran awal bagaimana aktiviti simulasi terbabit akan dilaksanakan tetapi turut memberi potensi maklum balas awal berdasarkan aktiviti tersebut.

Selain itu, para pelajar juga turut memanfaatkan teknologi AI untuk mendapatkan ilham atau cetusan idea untuk menghasilkan poster informasi dan kesedaran. Melalui teknologi bergambar AI ini, pelajar seterusnya akan menyesuaikan ilustrasi AI tersebut menggunakan aplikasi Canva, Adobe Photoshop atau Adobe Illustrator dan direka semula untuk membawa elemen-elemen yang menyentuh nilai insani dalam projek SULAM mereka.

Dalam usaha untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan, pendekatan menggabungkan teknologi AI dan program advokasi SULAM ini secara langsung telah berjaya menunjukkan impak yang berkesan. Melalui pendekatan ini, teknologi AI sebenarnya telah menjadi pengubah keadaan (game changer) dalam merancang dan seterusnya melaksanakan aktiviti yang berteraskan SULAM ini supaya lebih menarik dan berkesan. Pendekatan konvensional seperti seminar dan ceramah mungkin boleh ditambah baik dengan penggunaan AI bagi memastikan pendekatan yang dilaksanakan mendapat perhatian di kalangan peserta.